

TAHUN 2020

PERUTUSAN DAN AMANAT

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT, kerana dengan limpahan rahmatnya, kita dapat bersama-sama sehingga hari ini untuk meneruskan tanggungjawab dan kerja baik kita mentransformasi golongan sasaran kita iaitu Peladang dan institusi peladang agar boleh bergerak lebih maju dan lebih progresif.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun baharu 2020 kepada semua warga kerja Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang dan kepada semua peladang- peladang di seluruh Malaysia.

Penghargaan juga ingin diucapkan kepada YBhg. Datuk Mazlan Aliman, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Ahli Lembaga Pertubuhan Peladang dan semua Pengurusan dan warga kerja LPP di atas kerjasama dan sentiasa memberi sokongan padu dalam melaksanakan sasaran kerja bagi Tahun 2019.

TAHUN 2019

- Reformasi kepimpinan di Pertubuhan Peladang.
- Menkuatkuasakan perundangan dan peraturan Pertubuhan Peladang bagi memastikan tadbir urus semua Pertubuhan Peladang berjalan dengan baik.
- Peningkatan pengeluaran agromakanan LPP berbanding negara adalah sebanyak 3.29% :
 - i. padi menyumbang 33% atau RM 190 juta
 - ii. Ruminan menyumbang 9.04 % atau RM 21.7 juta
 - iii. Unggas menyumbang 1.08 % atau RM 25 juta
 - iv. Buah menyumbang 1 % atau RM 12 juta
 - v. Akuakultur menyumbang 0.79% atau RM 6.8 juta
 - vi. sayur menyumbang 0.36 % atau RM 10.2 juta
- Melahirkan lebih 115 orang agropreneur muda dengan penyaluran peruntukan sebanyak RM1,682,700 pada tahun 2019. Jumlah keseluruhan agropreneur muda sehingga kini adalah seramai 1129 orang
- Sebanyak 19 Pertubuhan Peladang Negeri Jentera (PPNJ) sebagai peneraju mekanisasi dan automasi pertanian yang menyumbang perkhidmatan kejenteraan dalam sektor padi sebanyak 33 % kepada pasaran.
- Model Perniagaan penternakan ayam PPNJ telah mewujudkan usahawan pemasar produk ayam terdiri dari 29 buah PPK, 71 orang usahawan PeladangNita dan PeladangMuda dan 17 outlet jualan produk ayam dengan nilai jualan sebanyak RM39.2 Juta.

- Peruntukan Pembangunan dari Tahun 2011-2019 RM 42,198,787.00 (817 orang) dan TPUP dari tahun 2011-2019 RM 540,000.00 (10 orang)
- Kejayaan Peladangnya dalam bidang peniagaan terutama dalam industri asas tani dan kulineri meningkat kepada jumlah 3,015 orang sehingga 2019.
- Lebih dari 24 produk jenama peladang telah dipasarkan menggunakan platform jualan dalam talian seperti SHOPPEE.
- Kejayaan program MyGreen Team dengan penyaluran peruntukan berjumlah RM400 ribu melibatkan 40 buah sekolah terpilih.
- Kejayaan 2 PP dalam memenangi Anugerah Inovasi di peringkat MOA.

Selain kejayaan yang dinyatakan di atas, program-program dengan cetus idea baru oleh Ybhg. Datuk Mazlan Aliman, Pengerusi LPP, antaranya pelancaran Beranang sebagai hub tanaman serai, penglibatan pusat pendidikan agama dalam pertanian, program cuti-cuti peladang, kempen keahlian secara 'online' dan terbaru karnival padi di Pasir Panjang didapati telah memberi impak yang sangat positif. Kita akan perkemaskan lagi program-program yang seumpamanya pada tahun 2020 ini.

TAHUN 2020

Institusi Peladang perlu mempunyai value creation dalam memberi perkhidmatan kepada golongan sasaran.

Peladang mesti memanfaatkan penggunaan TEKNOLOGI dalam bidang pertanian kerana ianya adalah satu-satunya pendekatan yang pasti meransang dan memberi lonjakan jauh dalam menambah pengeluaran makanan negara.

Peladang juga perlu menguasai rantai nilai dalam sub-sektor yang ada kerana melalui penguasaan kepada pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam bidang pertanian ini akan membawa impak yang lebih terjamin.

Kompetensi warga LPP, PP, masyarakat peladang penting kita pertingkatkan.

Model-model perniagaan yang berjaya perlu diperbanyakkan. Pendekatan mereplikasikan model-model yang berjaya ini, perlu diberi keutamaan terutama kepada PP yang mempunyai 'competitive advantage' agar satu anjakan baru (rejuvenate) PP mampu kita terokai. Impak pencapaian ke semua program-program ini akan dapat diukur dengan bertambahnya peladang-peladang yang progresif dan meningkatnya kategori PP yang maju dan lestari.

Ianya selari dengan saranan Yg Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf hidup peladang, penternak dan nelayan kita. Bersama, kita perlu menyambut sepenuhnya seruan YAB Perdana Menteri yang mahukan usaha-usaha tertentu dilaksanakan bagi memakmurkan negara termasuklah peranan agensi memperkenalkan dasar-dasar untuk memastikan rakyat dapat memaksimumkan hasil pendapatan.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan di Tahun baharu 2020 ini untuk menyeru seluruh warga LPP dan PP supaya berusaha menanam semangat kerja yang tinggi, meningkatkan iltizam mengamalkan budaya kerja yang terbaik selari dengan dasar dan halatuju Kerajaan dengan memberi perkhidmatan yang mesra, professional, mementingkan tadbir urus yang baik, menguasai perkembangan teknologi, jujur, menghargai masa, kerja secara berpasukan, komited dan yang paling penting adalah menjadi warga kerja LPP yang DINAMIK agar masyarakat peladang dan institusi peladang terbela selaras dengan tuntutan semasa. Kita juga perlu mengutamakan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan tugas.

"Our effectiveness is not only measured by What we deliver, but also How we deliver "

Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020 pula, kita juga perlu mengambil kesempatan ini untuk merebut manfaat ekonomi terhadap institusi-institusi peladang dengan mengambil peluang kunjungan pelancong ke negara ini. Sebagai tanda sokongan usaha ini, kita perlulah mempamerkan nilai-nilai disiplin, menjaga kebersihan, bertolak ansur, hormat-menghormati yang menggambarkan nilai budaya negara yang maju selari dengan sasaran kerajaan ke arah menjayakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Semoga kehadiran tahun baharu ini memberi makna yang besar kepada kita semua sebagai dorongan untuk terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Marilah kita jadikan tanggungjawab ini sebagai ibadah kerana percayalah, kerja yang dimulakan dengan niat yang baik dan laksanakan dengan baik akan membuahkan hasil yang terbaik.

"Bersama kita PERKASAKAN peladang dan institusi peladang"

"Selamat Menyambut Tahun Baharu 2020".

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum wbt.

Azulita Salim
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Malaysia
1hb Januari 2020